

27 MAY 1997

BSKL SIASAT KES TERHADAP OCBC SECURITIES

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Pengerusi eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusof berkata BSKL akan menyiasat aduan yang dibuat oleh seorang remisier bernama Yong Chong Keong terhadap OCBC Securities (Melaka) Sdn Bhd berhubung dakwaan keengganan firma broker saham memulangkan semula wang sebanyak RM468,677.39.

Siasatan itu akan dijalankan selepas Yong mengemukakan satu kenyataan tuntutan kepada bursa itu.

Anggota Parliamen (DAP) Kota Melaka, Lim Guan Eng, mendakwa bahawa BSKL tidak meminta kenyataan tuntutan daripada Yong pada 1994 kerana menurut Nik Din, pada masa itu OCBC Securities belum lagi memberitahu bursa itu yang ia boleh menyelesaikan perkara itu dengan Yong.

"Sebab itulah perkara itu telah berlarutan sehingga hampir tiga tahun. Nampaknya BSKL tidak mendengar hujah Yong kerana OCBC Securities tidak memberi gambaran yang betul," Lim mendakwa dalam satu persidangan berita di sini selepas menemui selama setengah jam dengan Nik Mohamed Din berhubung perkara itu hari ini.

Menurut Lim, surat menyurat terakhir antara BSKL dan Yong bertarikh 26 Nov, 1996.

Setelah mengemukakan kenyataan tuntutan kepada BSKL, Nik Mohamed Din memberi jaminan kepada Lim bahawa perkara itu akan disiasat, tambahnya.

Asas tuntutan Yong ialah OCBC Securities enggan memulangkan wang kepadanya, sungguhpun pelanggannya, Yap Nee Seng, telahpun membayar jumlah tersebut kepada syarikat itu yang mendakwa Yap belum lagi membayar balik kepada firma broker saham itu.

Bagaimanapun, Lim dan Yong mengakui bahawa mereka tidak berusaha untuk menghubungi Yap, yang memainkan peranan penting dalam kes ini, atau peguamnya bagi mengesahkan sama ada Yap telah membayar jumlah berkenaan kepada OCBC Securities dengan alasan Yap tidak boleh dihubungi sungguhpun mereka mengetahui bahawa Yap masih menetap di Melaka.

Lim berkata Yong bergantung pada jawapan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen pada 16 Dis, 1995 sebagai menjawab soalan Lim bahawa Yap telah membayar wang tersebut dan bahawa perdana menteri bercakap benar ketika bercakap di Parlimen.

Sekiranya tiada pembayaran dibuat oleh Yap, maka ini adalah kesalahan yang serius bagi polis kerana merekalah bertanggungjawab dalam memastikan perkara itu (pembayaran dibuat), kata Lim.

Dr Mahathir yang juga menteri dalam negeri telah berkata siasatan ke atas perkara itu telah tutup pada 5 Sept, 1995 kerana Yap, menerusi peguamnya, berkata beliau telahpun membayar balik jumlah itu kepada OCBC Securities.

Menurut versi Yong, bila Yap membeli sejumlah 70 lot saham bernilai RM562,875.60 pada 20 Jun, 1994, cek yang digunakannya untuk membayar bagi saham tersebut telah dipulangkan kepada OCBC Securities pada 4 Julai, 1994, atas sebab kekurangan dana.

Bagaimanapun, pada 30 Jun, 1994, sebelum cek itu dijelaskan, OCBC Securities menghantar sijil saham kepada Yap.

Pada 5 Julai, 1994, sehari selepas cek itu dipulangkan kepada OCBC Securities, syarikat broker saham itu membuat laporan polis.

Lim berkata jika cek itu belum dijelaskan dan syarikat menghantar skrip saham, maka syarikat itulah seharusnya bertanggungjawab bagi perkara itu dan bukannya remisier, kecuali remisier itu memberitahu syarikat berkenaan

untuk menjelaskan skrip itu.

Beliau berkata di bawah peraturan BSKL, sesebuah anggota syarikat bursa saham itu berhak, pada setiap masa, untuk menghalang penghantaran sekuriti sehingga cek pelanggan telah dijelaskan dan perolehannya dikreditkan ke dalam syarikat.

Selepas laporan polis dibuat oleh OCBC Securities, Yap memulangkan 30 lot saham yang dibelinya berharga RM168,296.65 dan ini dijual pada harga RM94,208.21, yang bererti OCBC menanggung kerugian sebanyak RM468,667.39 kerana Yap tidak memulangkan baki saham itu dan terpaksa menanggung kerugian ke atas saham yang dipulangkan itu.

Oleh yang demikian, OCBC Securities meminta remisier Yong menanggung kerugian itu yang beliau dakwa beliau terpaksa membayar kerana bimbang syarikat itu akan menggantung tugasnya sebagai remisier.

Tiada tindakan diambil terhadap Yap oleh polis manakala OCBC Securities kelihatan tidak aktif mengemukakan saman awam terhadap Yap untuk mendapatkan semula wang berkenaan, Yong mendakwa.

Yong kemudian membuat laporan polis terhadap Yap pada 7 Okt, 1997 di balai polis Bandar Hilir, Melaka. -- BERNAMA

MSL MA/sia